

Kakitangan Angkasa tawan puncak Gunung Tahan

LIPIS 13 Sept. - Seramai 13 pegawai dan kakitangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) berjaya menamatkan ekspedisi mendaki Gunung Tahan setinggi 2,184 meter dalam tempoh tiga hari selepas memulakan pendakian di Kem Sungai Relau, Merapoh dekat sini baru-baru ini.

Program pendakian itu merupakan pendekatan serampang dua mata iaitu menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan 2017 dan sebagai pengisian kempen menjelang Persidangan Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) Global yang akan berlangsung di ibu negara, November ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat Angkasa, Borhan Mat Aris berkata, aktiviti riadah itu juga cukup signifikan terhadap penjagaan kesihatan pegawai dan kakitangan Angkasa selari dengan amalan gaya hidup sihat.

"Pelbagai cabaran diharungi peserta seperti cuaca hujan, suhu sejuk dan berkabus di samping trek curam yang mampu menanamerti kesabar dan membuat keputusan dengan cepat serta kebersamaan apabila berdepan masalah.

"Kumpulan pegawai dan kakitangan Angkasa ini mendaki Gunung Tahan sebagai antara persiapan untuk melengkapkan



PENDAKI Angkasa merakamkan kenangan selepas berjaya menawan puncak Gunung Tahan dalam tempoh tiga hari selepas bertolak dari Kem Sungai Relau, Merapoh, Pahang, baru-baru ini. -UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

kekuatan fizikal dan ketahanan mental kerana mereka akan bertugas semasa Persidangan ICA Global nanti," katanya selepas majlis penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta program pendakian itu yang disempurnakan Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah di Kem Sungai Relai, baru-baru ini.

Yang turut hadir Pengurus

Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Pahang Zon Tiga, Datuk Abdul Aziz Abdullah.

Dalam pada itu, seorang peserta, **Mohd. Noor Tamam**, 56, yang pertama kali mendaki Gunung Tahan mengakui, dia berdepan pelbagai cabaran dan terpaksa mengerahkan tenaga kerana trek yang agak curam selain berdepan dengan keadaan cuaca tidak menentu.

Bagaimanapun katanya, dia menguatkan semangat untuk menamatkan ekspedisi sejaoh 72 kilometer pergi dan balik itu.

"Semasa bermalam di perhentian Kem Luis dan Kem Botak, kami berdepan cuaca sejuk serta hujan sehingga hampir mematahkan semangat saya untuk tiba di puncak Gunung Tahan keesokannya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia